

D666

B 8991 AAB

RML - MAHATHIR (PROSPEK)

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 4 PETANG HARI INI.

KUALA LUMPUR, 21 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA PROSPEK EKONOMI YANG AKAN DIHADAPI OLEH NEGARA BAGI TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML) TIDAK MENGGALAKKAN MALAHAN IANYA +MURAM+.

KATANYA, SUASANA EKONOMI ANTARBANGSA YANG DIHADAPI OLEH NEGARA BAGI TAHUN-TAHUN LAPAN PULUHAN MASIH LAGI DIPENGARUHI OLEH KEADAAN YANG TIDAK PASTI DAN KEADAAN ITU TIDAK BEGITU MEYAKINKAN.

KETIKA MEMBENTANGKAN USUL MENGENAI RML DI DEWAN RAKYAT HARI INI, BELIAU BERKATA WALAUPUN TERDAPAT TANDA-TANDA PEMULIHAN EKONOMI DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MAJU, TIDAK DAPAT DIPASTIKAN SAMA ADA PEMULIHAN ITU BERKEKALAN DAN MEMBERI MANFAAT KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA.

+ BAGAIMANAPUN, PADA PERINGKAT AWAL NAMPAKNYA KESAN PEMULIHAN TERSEBUT ADALAH MINIMUM, MALAHAN EKONOMI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TERUS MENUNJUKKAN PRESTASI YANG TIDAK MEMUASKAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SALAH SATU PERKEMBANGAN YANG SANGAT MEMBIMBANGKAN SEJAK AKHIR-AKHIR INI IALAH KEJATUHAN HARGA BARANGAN UTAMA SECARA BERTERUSAN. -- LAGI
1250MST 21 03 86

D667

B 8992 AAB

RML - MAHATHIR (PROSPEK) 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, PADA MASA LEPAS, NEGARA INI SEKURANG-KURANGNYA BOLEH BERGANTUNG KEPADA PRESTASI DAN PROSPEK YANG LEBIH BAIK BAGI BEBERAPA BARANGAN UTAMA KETIKA HARGA BARANGAN YANG LAIN JATUH.

TETAPI, PADA MASA INI NEGARA TEPAKSA MENGHADAPI SUATU KEADAAN YANG BERLAINAN KERANA KEJATUHAN HARGA MEMBABITKAN HAMPIR SEMUA BARANGAN UTAMA YANG DIKELUARKAN OLEH NEGARA, KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA KEADAAN MURAM SEKARANG TIMBUL AKIBAT AMALAN-AMALAN OLEH NEGARA-NEGARA MAJU TERMASUK PEMBERIAN SUBSIDI YANG BESAR OLEH AMERIKA SYARIKAT DAN EROPAH KEPADA BEBERAPA BARANGAN PERTANIAN MENYEBABKAN KEADAAN BEKALAN YANG BERLEBIHAN DAN SETERUSNYA MENJATUHKAN HARGA BARANGAN TERSEBUT.

KEADAAN ITU BERTAMBAH BURUK, KATA PERDANA MENTERI, APABILA NEGARA-NEGARA MAJU MELAMBAKKAN BEKALAN MEREKA YANG BERLEBIHAN KE DALAM PASARAN DENGAN HARGA YANG DISOKONG DENGAN SUBSIDI ATAU BANTUAN TERTENTU DAN PADA MASA YANG SAMA MENGUTUK AMALAN PERDAGANGAN YANG BERAT SEBELAH.

KATANYA, ANTARA BARANGAN YANG MENGALAMI KEJATUHAN HARGA IALAH BIJIH TIMAH DAN GETAH ANTARA 40 HINGGA 50 PERATUS MANAKALA HARGA BARANGAN PERTANIAN MEROSOT ANTARA 20 HINGGA 30 PERATUS DALAM TEMPOH 12 BULAN LEPAS.

-- LAGI

1253MST 21 03 86

D671

B B993 AAB

RML - MAHATHIR (PROSPEK) 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PROSPEK JANGKA PERTENGAHAN BAGI EKSPORT BARANGAN UTAMA SECARA KESELURUHANNYA NAMPAKNYA TIDAK MENGGALAKKAN KERANA PEMULIHAN SECARA BERTERUSAN BAGI KEGIATAN-KEGIATAN PERINDUSTRIAN DI NEGARA-NEGARA MAJU TIDAK PASTI.

INI DISEBABKAN DASAR-DASAR MENGATASI INFLASI, KEGAGALAN MENGATASI MASALAH STRUKTUR EKONOMI SERTA DASAR PERLINDUNGAN AKAN TERUS MENYEKAT PERTUMBUHAN EKONOMI DUNIA DAN SETERUSNYA MENGHALANG PEMULIHAN HARGA BARANGAN UTAMA, KATANYA.

+ AMALAN DAN DASAR-DASAR INI HANYA MENJADIKAN SEGALA HASRAT BAGI MENGADAKAN PASARAN YANG LEBIH TERBUKA YANG BERASASKAN KECEKAPAN DAN PERSAINGAN SEBAGAI SATU CEMUHAN.

+ SEGALA KEJAYAAN YANG TELAH KITA CAPAI DALAM BIDANG PEMBANGUNAN DENGAN BERTUNGKUS LUMUS DAN MEMAKAN MASA BERTAHUN-TAHUN LAMANYA TELAH TERJEJAS AKIBAT AMALAN-AMALAN INI.+

ANTARA LANGKAH KERAJAAN MENGHADAPI KEADAAN YANG MEMBIMBANGKAN ITU IALAH DENGAN MENGURANGKAN KHIDMAT BAYARAN HUTANG, BERMAKNA PERBELANJAAAN SEKTOR AWAM TIDAK LAGI AKAN DAPAT MEMBERI SOKONGAN UTAMA KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI SEPERTI MASA-MASA LALU, TEGAS PERDANA MENTERI. -- LAGI

1301MST 21 03 86

D676

B B994 AAB

RML - MAHATHIR (PROSPEK) 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SATU DASAR KEWANGAN YANG SESUAI YANG MEMBERI TUMPUAN KEPADA KEPERLUAN MEMPERKUKUHKAN PERBELANJAAAN SEKTOR AWAM, MENGAWAL PINJAMAN LUAR DAN MEMPERBAIKI KAEDAH PENGURUSAN HUTANG NEGARA JUGA AKAN DILAKSANAKAN.

MENGENAI KELUARAN DALAM NEGERI KASAR YANG DIJANGKA BERKEMBANG PADA KADAR LIMA PERATUS SETAHUN DALAM TEMPQH RML BERBANDING DENGAN 5.8 PERATUS BAGI RME, BELIAU BERKATA WALAUPUN IA ANGKA YANG +OPTIMIS+ PENCAPAIANNYA AKAN BANYAK BERGANTUNG KEPADA PERKEMBANGAN PESAT KEGIATAN-KEGIATAN DALAM NEGERI SEPERTI PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH DAN PENGELUARAN BAHAN MAKANAN.

KATANYA, ADALAH WAJAR SUPAYA ANDAIAN PENCAPAIAN RML DIKAJI SEMULA DARI MASA KE SEMASA DAN DIUBAHSUAI BERASASKAN KEPADA PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG SEDANG DAN AKAN BERLAKU.

+ PERLAKSANAAN SESUATU RANCANGAN TIDAK BERAKHIR DALAM SESUATU TEMPQH YANG TERTENTU TETAPI MERUPAKAN SATU PROSES YANG BERTERUSAN.

+ PERLU SAYA TEGASKAN DI SINI BAHAWA KITA MEMPUNYAI POTENSI UNTUK MEMBANGUN TETAPI INI BERGANTUNG KEPADA ANTARA LAIN KEMAMPUAN KITA UNTUK MENGURUSKAN SUMBER-SUMBER KITA YANG TERHAD DENGAN BERKESAN DAN MENGATASI MASALAH-MASALAH YANG DITIMBULKAN OLEH FAKTOR-FAKTOR LUAR,+ KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI

1308MST 21 03 86

D701

B 8005 AAB

RML - MAHATHIR (PROSPEK) 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN PERLUNYA RAKYAT MENINGKATKAN PRODUKTIVITI BAGI MENGEKALKAN DAYA BERSAING PADA PERINGKAT ANTARABANGSA DAN SETERUSNYA BERUSAHA MENGURANGKAN IMPORT.

BELIAU JUGA MENYENTUH MENGENAI KEADAAN PENGANGGURAN DI NEGARA INI YANG DIJANGKA BERTAMBAH LEBIH BESAR DALAM TAHUN 1990 DARIPADA ANGGARAN SEMASA 684,200 SEKARANG.

ANGGARAN SEMASA ITU AKAN MENYEBABKAN KADAR PENGANGGURAN MENINGKAT KEPADA 10.1 PERATUS BERBANDING DENGAN 7.6 PERATUS PADA TAHUN LEPAS.

KATANYA, MEMANDANGKAN SEBAHAGIAN BESAR PENGANGGUR TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG BARU MEMASUKI PASARAN DENGAN KEMAHIRAN BEKERJA YANG MINIMUM, MENYEBABKAN MEREKA SUKAR MENDAPAT PEKERJAAN YANG MEMBERI HASIL YANG MEMUASKAN.

PERDANA MENTERI MENINGGATKAN APA JUGA LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN UNTUK MENGURANGKAN PENGANGGURAN TIDAK AKAN BERKESAN SEKIRANYA RAKYAT TIDAK MEMBERIKAN SOKONGAN DAN MENGUBAH SIKAP. -- LAGI

D702

B 8006 AAB

RML - MAHATHIR (PROSPEK) 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+ SEKIRANYA BURUH ASING HENDAK DIKURANGKAN, RAKYAT MALAYSIA MESTILAH SANGGUP MENJALANKAN KERJA-KERJA BERKENAAN DAN MENGEKALKAN KADAR PRODUKTIVITI BURUH ASING,+ UJAR BELIAU.

MENGENAI PERANAN SEKTOR SWASTA DALAM MENCERAHKAN SUASANA EKONOMI NEGARA DALAM RML, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN MENKAJI SEMULA DAN MENGUBAHSUAI PERATURAN-PERATURAN DAN LANGKAH-LANGKAH PENTADBIRAN YANG ADA.

KERAJAAN JUGA AKAN BERUSAHA MENGADAKAN BEBERAPA GALAKAN DAN LANGKAH TAMBAHAN SERTA MENGENALPASTI BEBERAPA PELUANG YANG SESUAI BAGI PENYERTAAN SEKTOR ITU SAMA ADA SECARA PERSENDIRIAN ATAU SECARA USAHASAMA DENGAN KERAJAAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR BAGI PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN AKAN TERUS DIPERBAIKI DAN DIPERTINGKATKAN UNTUK MEMUDAHKAN PERGERAKAN DAN PERHUBUNGAN DI KALANGAN RAKYAT.

DALAM SEKTOR PERTANIAN, SELAIN MENGGALAKKAN SEKTOR SWASTA MENYERTAI RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH BARU SEBAGAI RAKAN USAHASAMA, LANGKAH JUGA DIAMBIL UNTUK MEMBERI KELONGGARAN DALAM PENGGUNAAN TANAH PERTANIAN BAGI MENGGALAKKAN PELABURAN SEKTOR SWASTA YANG LEBIH TINGGI TERUTAMANYA DALAM PENGELUARAN BAHAN MAKANAN. -- LAGI

1355MST 21 03 86

D703

B 8007 AAB

RML - MAHATHIR (PROSPEK) 7 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BAGI MEMPERCEPATKAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN, BERBAGAI-BAGAI LANGKAH SEPERTI PENUBUHAN AGENSI SETEMPAT DAN KAJIAN SEMULA SERTA USAHA-USAHA MENGEMASKINI PERATURAN-PERATURAN YANG BERKAITAN AKAN DILAKSANAKAN.

PRODUKTIVITI BURUH AKAN DIPERTINGKATKAN MENERUSI PROGRAM-PROGRAM LATIHAN YANG BERTUJUAN MELENGKAPKAN MEREKA DENGAN KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN OLEH INDUSTRI-INDUSTRI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- BERNAMA

1356MST 21 03 86